



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



**LITERASI UNDANG-UNDANG SINONIM KEMANDIRIAN JATI
DIRI MAHASISWA DALAM LANSKAP POLITIK KAMPUS:
PEMACU GENERASI MUDA BERJIWA BESAR DAN TINGGI
KARISMA KEPIMPINAN**

*LEGAL SYNONYMOUS LITERACY INDEPENDENCE OF STUDENTS' IDENTITY
IN A CAMPUS POLITICAL LANDSCAPE: THE DRIVE OF ENTHUSIASTIC
YOUNG GENERATION WITH A HIGH CHARISMATIC LEADERSHIP*

Irma Wani Othman^{1*}, Mohd Azri Ibrahim^{2*}, Mohd Sohaimi Esa^{3*}, Romzi Ationg^{4*}, Saifulazry Mokhtar^{5*}, Budi Anto Mohd Tamring⁶ & Sharifah Darmia Sharif Adam^{7*}

¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my

² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mohdazri@ums.edu.my

³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: msohaimi@ums.edu.my

⁴ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mrationg@ums.edu.my

⁵ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: saifulazry@ums.edu.my

⁶ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: budi@ums.edu.my

⁷ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: shdarmia@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 15.03.2021

Published date: 30.04.2021

Abstrak:

Perjuangan politik generasi muda di Malaysia berevolusi semenjak negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Sedar-sedar menyaksikan literasi undang-undang dan penyertaan mahasiswa dalam lanskap politik kampus melahirkan golongan generasi muda berjiwa besar dan tinggi karisma kepimpinan, terutamanya di negara-negara membangun seperti Malaysia. Objektif kajian ini adalah serampang dua mata iaitu (i) merungkai tafsiran berhubung nilai positif, semangat dan jati diri, bilamana mahasiswa didedahkan dengan keupayaan meningkatkan kemandirian dalam konteks penyertaan politik kampus, dan (ii) meneliti sumbangan kejayaan yang

To cite this document:

Othman, I. W., Ibrahim, M. A., Esa, M. S., Ationg, R., Mokhtar, S., Tamring, B. A. M., & Adam, S. D. S. (2021). Literasi Undang-Undang Sinonim Kemandirian Jati Diri Mahasiswa dalam Lanskap Politik Kampus: Pemacu Generasi Muda Berjiwa Besar dan Tinggi Karisma Kepimpinan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 215-242.

DOI: 10.35631/IJLGC.6230015.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



berterusan mahasiswa berjiwa besar dan tinggi karisma kepimpinan dalam aspek pembangunan politik negara pada hari ini. Modus operandi penyelidikan ini dilaksanakan dengan mengutilasikan kaedah kualitatif temu bual mendalam terhadap 24 pelajar dari program pengajian perundangan di empat buah universiti awam Malaysia. Hasil kajian yang digarapkan melalui seleksi temu bual responden mendapati bahawa corak penyertaan mahasiswa dalam lanskap politik kampus, jika digariskan dengan objektif tertentu, berjaya berperanan sebagai medium menyuarakan kehendak dan keprihatinan berhubung isu-isu berkaitan masyarakat menara gading. Walaupun begitu penglibatan arena politik oleh pelajar adalah tertakluk kepada rang undang-undang yang telah pun termaktub di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971), Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Akta Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976. Dua penemuan baru dikemukakan iaitu (i) kebebasan berpolitik yang diberikan kepada mahasiswa di negara ini perlu dimanfaatkan sebaiknya, terutama dalam melahirkan golongan muda berjiwa besar dan (ii) kebebasan berpolitik dilihat mampu membantu mencorak aspek kepimpinan terutama di peringkat universiti dan mereka yang berkarisma dan berkredibiliti dapat memacu pembentukan negara ke arah lebih baik tidak kira daripada segi politik, ekonomi dan sosial.

Kata Kunci:

Literasi Undang-Undang, Kemandirian Jati Diri, Politik Kampus, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971), Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Akta Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976

Abstract:

The political fight of the younger generation in Malaysia has evolved since the country achieved independence on 31st August 1957. For the past 10 years, legal literacy and students' participation in the campus of the political landscape has given birth to an enthusiastic young generation with high leadership charisma, especially in developing countries such as Malaysia. The two main objectives of this study are, namely (i) to unravel the interpretation of positive values, spirit, and identity, when students are exposed to the ability to increase independence in the context of campus political participation, and (ii) examines the continued success contribution of big-hearted and high-charismatic students of leadership in the political development aspects of the country at the present time. The research modus operandi was implemented by utilising qualitative methods of in-depth interviews with 24 students from legal studies programs from four Malaysian Public Universities. The results of the study were through a selection of interviews of respondents which found that the pattern of students' participation in the campus political landscape, if outlined with certain objectives, successfully serves as a medium to voice wishes and concerns on issues related to the community in higher institutions. However, the involvement in the political arena by students is subjected to the bill which has been enshrined in the Universities and University Colleges Acts 1971 (AUKU 1971), the Private Higher Education Institutions Act 1996, and the Educational Institutions (Discipline) Acts 1976. Two new findings were presented, namely (i) the political freedom given to students in this country should be utilised well, especially in producing enthusiastic young people, and (ii) political freedom is seen to be able to help shape aspects of leadership, especially at the university level and those who are charismatic and credible can drive the formation of the country in a better direction regardless of political, economic and social.

Keywords:

Legal Literacy, Independence of Identity, Campus politics, Universities and University Colleges Acts 1971 (AUKU 1971), Private Higher Education Institutions Acts 1996 and Educational Institutions (Discipline) Acts 1976

Mukadimah

Malaysia sebuah negara merdeka yang memilih untuk mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah kehuluran dan kedaulatan Raja Berperlembagaan (Mohd Sohaimi, 2020). Sinonim dengan itu rakyat Malaysia memperoleh kebebasan untuk bersuara dan mengeluarkan fikiran masing-masing tanpa meragui hak asasi mereka sebagai warga negara (Chan Tsu Chong, 2018). Literasi undang-undang ditafsirkan sebagai himpunan pengetahuan merujuk pengertian, peranan dan skop perundangan dan penghakiman dalam sebuah sistem keadilan (Preston, Mckimm, Kong & Smith, 2011). Dalam konteks kertas kerja ini, perbincangan bukan hanya merujuk kepada pengetahuan perundangan individu, malahan penghujahan yang diketengahkan lebih menjurus ke arah pemahaman perihal literasi undang-undang yang mendokong kesejahteraan mahasiswa universiti semasa menceburi diri dalam lanskap politik kampus. Generasi muda ini diletakkan sebagai tunggak perpaduan, pembangunan kemajuan dan menjadi penerus hala tuju negara pada masa depan (Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Abu Bakar, A. H., Herlina, J., and Hasbullah, A., 2018b).

Dalam lensa berbeza, politik pula difahami sebagai suatu proses pembuatan keputusan sesuatu kumpulan yang berkepentingan dengan governan dan urus tadbir kerajaan, masyarakat, agama dan pegangan hidup (Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Hasbullah, A. Herlina, J., dan Rudy Adie, R. (2017). Keterkaitan politik sinonim dengan manupulasi autoriti parti politik menjadikan proses pembuatan keputusan secara kolektif dianggap elemen kritikal. Jika tidak sering ianya disalahtafsirkan sebagai arena pertarungan yang penuh muslihat dan mempunyai *vested interest* iaitu berkepentingan peribadi (Irma Wani, O., Herlina, J., Hasbullah, A., and Muhammad Safuan, Y. (2017a). Kesenambungan tersebut meletakkan politik kampus acapkali ditafsirkan mempunyai perkaitan dengan hak asasi warga menara gading dalam menyuarakan keprihatinan dan pandangan berhubung senario politik negara.

Mahasiswa didefinisikan sebagai “penuntut di universiti” yang merangkumi gabungan dua kata kunci, iaitu ‘maha’ yang bermaksud “teramat; sangat; paling” dan ‘siswa’ yang bermaksud “penuntut atau pelajar di pusat pengajian tinggi” (Definisi MPP, 2020). Dalam kata lain, mahasiswa merupakan golongan generasi muda yang mengikuti program ijazah dalam sistem pengajian tinggi sesebuah negara (Herlina, J., Irma Wani. O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., and Hasbullah, A., 2018). Mahasiswa turut diklasifikasikan sebagai pelajar pengajian tertinggi berumur dalam lingkungan 18 hingga 23 tahun, yang mengikuti sistem pendidikan formal di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Abu Bakar, A. H., Hasbullah, A., and Herlina, J., 2018a). Namun tidak dinafikan, pelibatan mahasiswa dalam lanskap politik kampus kian merudum. Antara faktor penyumbang fenomena berkenaan disumbang dari pembentukan undang-undang khusus iaitu Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971 dalam meletakkan batasan melarang penglibatan mahasiswa dalam politik (Mazli, Abdul Razak & Abdul Rashid, 2015). Antara insiden menarik perhatian pergolakan senario politik tanahair apabila mahasiswa secara giat menganjurkan ceramah dan menyebarkan manifesto dalam pilihan raya umum yang mengakibatkan Parti Perikatan mengalami kemerosotan sokongan pada tahun 1969 (Harian Metro, 2020).

Dewasa ini memperlihatkan penyertaan mahasiswa dalam arena politik kampus masih tidak begitu aktif walaupun larangan penyertaan dalam politik dimansuhkan melalui Seksyen 15 AUKU pada tahun 2012 (Fazurawati, 2018). Insiden 27 Disember 2019 tercetus rentetan kekecewaan pensyarah bilamana sekumpulan siswa yang diketuai oleh Saudara Mohd Akmal Haziq selaku Presiden Mahasiswa Universiti Malaya telah diinterogasi oleh pihak berkuasa polis berhubung isu demonstrasi dalam kampus (Hanneeyzah Bariah, 2019). Demonstrasi aman berkenaan pada awalnya bertujuan untuk membawa misi penyerahan memorandum mengandungi isu hak pelajar berbangkit dengan tuntutan kebajikan berhubung kualiti perkhidmatan universiti iaitu aspek pengangkutan mahasiswa dan keselamatan kampus yang bersifat lebih mesra pelajar. Implikasi insiden tersebut telah mengundang pandangan skeptikal segelintir masyarakat ke atas perlakuan golongan mahasiswa yang dianggap sebagai tindakan kurang wajar masyarakat kampus.

Dalam perspektif sebaliknya, kebebasan mahasiswa memperjuangkan hak-hak dan pandangan mereka diumpamakan sebagai merealisasikan ungkapan politikus negara yang berhasrat melahirkan generasi muda pemimpin masa depan negara. Nilai positif, semangat dan jati diri, bilamana mahasiswa didedahkan dengan keupayaan meningkatkan kemandirian dalam konteks penyertaan politik kampus. Pengalaman tersebut memberi pengalaman bernilai yang mampu memberi sumbangan kejayaan yang berterusan dalam melatih mahasiswa berjiwa besar dan tinggi karisma kepimpinan dalam aspek pembangunan politik negara sebagai pelapis masa depan (Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Siti Aidah Lukin @ Lokin, Romzi Ationg, Abang Mohd Razif Abang Muis, Mohd Kamal Mohd Shah, 2020b). Secara rasional, apabila kerajaan secara tegas mengekang penyertaan politik kampus, maka impak dari larangan tersebut mengakibatkan nilai positif, semangat dan jati diri generasi muda terpadam begitu sahaja (Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Kamal Mohd Shah, 2020a). Namun begitu, aktiviti politik dalam kalangan pelajar universiti diimbangkan dengan pemantauan pihak berwajib bagi mengelakkan tindakan melampaui batas yang mengundang kepada perkara tidak terduga.

Metodologi Penyelidikan

Pendekatan kualitatif diimplementasikan bagi merungkai tafsiran berhubung nilai positif, semangat dan jati diri, bilamana mahasiswa didedahkan dengan keupayaan meningkatkan kemandirian dalam konteks penyertaan politik kampus, dan seterusnya meneliti sumbangan kejayaan yang berterusan mahasiswa berjiwa besar dan tinggi karisma kepimpinan dalam aspek pembangunan politik negara pada hari ini. Seleksi pilihan ke atas empat buah universiti awam iaitu Universiti I, Universiti II, Universiti III dan Universiti IV mengikut kategori status universiti, latar belakang sejarah penubuhan, jumlah enrolmen pelajar yang mengikuti program pengajian undang-undang dan senario politik kampus universiti yang terpilih dalam kajian ini (Babbie, 2017). Pengekalan kerahsiaan ke atas identiti informan ialah bagi melindungi penyertaan suka rela dan perkongsian informasi dari pelajar antarabangsa sebagai informan kajian, dan pelibatan universiti telah menggunakan kaedah *pseudonym* dengan menggunakan per nomboran (Eriksson & Kovalainen, 2016). Kaedah temu bual semi struktur ke atas 24 orang pelajar perundangan bertujuan bagi memperoleh data empirikal yang bertepatan dengan objektif kajian yang merungkai literasi undang-undang (Flick, 2014). Kecenderungan untuk mengutilasi kaedah temu bual semi berstruktur adalah bagi membuka ruang kebebasan penyelidik menerokai maklum balas pelajar yang bergiat secara aktif dalam politik kampus, seterusnya merungkai isu-isu yang relevan. Menerusi analisis induktif transkrip rakaman audio diterjemahkan ke dalam bentuk kandungan teks (Creswell, 2014). Seterusnya pengkategorian

tema melalui proses pengekodan dilakukan secara sistematik di mana senarai tema-tema dominan dan sub dominan timbul (Silverman, 2013).

Perbincangan Kertas Kerja

Dua bentuk pendekatan perbincangan kertas kerja ini diketengahkan iaitu pertama, mempersembahkan perbincangan melalui seleksi temu bual responden dengan meneliti corak penyertaan mahasiswa dalam lanskap politik kampus, yang berperanan sebagai medium menyuarakan kehendak dan keprihatinan berhubung isu-isu berkaitan masyarakat menara gading. Pendekatan yang kedua pula lebih terarah kepada literatur hasil sumbangan sarjana yang terlibat dalam kajian literasi undang-undang dan penyertaan mahasiswa dalam lanskap politik kampus. Hasil kajian digarapkan melalui seleksi temu bual responden mendapati bahawa corak penyertaan mahasiswa dalam lanskap politik kampus, jika digariskan dengan objektif tertentu, berjaya berperanan sebagai medium menyuarakan kehendak dan keprihatinan berhubung isu-isu berkaitan masyarakat menara gading. Walaupun begitu penglibatan arena politik oleh pelajar adalah tertakluk kepada rang undang-undang yang telah pun termaktub di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971), Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Akta Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976. Dua penemuan baru dikemukakan iaitu (i) kebebasan berpolitik yang diberikan kepada mahasiswa di negara ini perlu dimanfaatkan sebaiknya, terutama dalam melahirkan golongan muda berjiwa besar dan (ii) kebebasan berpolitik dilihat mampu membantu mencorak aspek kepemimpinan terutama di peringkat universiti dan mereka yang berkarisma dan berkredibiliti dapat memacu pembentukan negara ke arah lebih baik tidak kira daripada segi politik, ekonomi dan sosial.

1. Kesedaran Isu Masyarakat & Akauntabiliti Hal Ehwal Politik Negara

Berdasarkan Jadual 1 terdapat 8 dari 24 orang pelajar perundangan bersetuju bahawa kesedaran isu masyarakat dan akauntabiliti hal ehwal politik negara adalah vital dalam usaha mendekatkan mahasiswa kepada arena politik Malaysia lantas meningkatkan kesedaran dan kewaspadaan mahasiswa terhadap hal ehwal negara.

Jadual 1: Kesedaran Isu Masyarakat dan Akauntabiliti Hal Ehwal Politik Negara

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Perundangan 5	Pelajar Perundangan 9	Pelajar Perundangan 14	Pelajar Perundangan 22
	Pelajar Perundangan 11	Pelajar Perundangan 16	Pelajar Perundangan 23
			Pelajar Perundangan 24

i. Dialog Pelajar Perundangan 5:

“Sebagai seorang pelajar yang mengikuti bidang pengajian sains politik sudah semestinya saya teruja untuk mengetahui implikasi pindaan akta berhubung AUKU yang memberi kebebasan berpolitik dalam kalangan mahasiswa. Selain dari pembelajaran di bilik kuliah, kami diberi pendedahan mengaitkannya secara relevan dengan isu politik semasa.”

Pindaan Akta dan Jaminan Ruang Berpolitik Mahasiswa merupakan isu yang dibangkitkan oleh Pelajar Perundangan 5 yang dianggap salah satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi menarik lebih ramai penglibatan mahasiswa dalam arena politik dan terbukti apabila kerajaan turut meluluskan tiga pindaan akta bagi memberi kebebasan mahasiswa berpolitik di kampus Universiti Awam ataupun Institusi Pengajian Tinggi.

ii. Dialog Pelajar Perundangan 9:

“Saya yakin dengan pemansuhan peruntukan subseksyen tertentu dalam AUKU, AIPT dan AIIP secara jelas membuktikan kerajaan mengambil berat menggalakkan mahasiswa berkecimpung secara positif dalam arena politik di kampus. Ini memberi indikasi negara kita mengamalkan demokrasi di semua lapisan masyarakat dan hak bersuara pelajar.”

Pemansuhan Peruntukan Subseksyen Tertentu AUKU, AIPT dan AIIP pula diketengahkan oleh Pelajar Perundangan 9 menekankan kepekaan mahasiswa yang sedar bahawa selain pindaan bagi memansuhkan peruntukan Seksyen 15(2)(c) AUKU 1971, dua lagi membabitkan pindaan Seksyen 47(2)(c) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Seksyen 10(2)(c) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

iii. Dialog Pelajar Perundangan 11:

“Apa yang saya fahami perkembangan pindaan perundangan baru-baru ini menamatkan kekangan mahasiswa untuk menceburi diri dalam aktiviti politik di kampus. Pelajar juga dikatakan berhak untuk mempelawa perwakilan dari mana-mana parti politik untuk memberi taklimat berkaitan sistem mahupun senario politik tanah air. Ini menimbulkan keterujaan terutamanya dalam kalangan pemimpin pelajar.”

Pelawaan Taklimat Perwakilan Parti Politik difahami pula oleh Pelajar perundangan 11 sebagai sebuah matlamat Kesemua pindaan terhadap akta tersebut adalah menamatkan kekangan ke atas mahasiswa kita untuk menglibatkan diri dalam aktiviti parti politik di dalam kampus. Misalnya, mahasiswa boleh menjemput wakil parti politik ke dalam kampus untuk memberi taklimat yang berkaitan dengan sistem politik negara kita.

iv. Dialog Pelajar Perundangan 14:

“Pindaan AUKU membenarkan kami merealisasikan penubuhan persatuan parti politik dalam kampus yang sekian lama dirancang tetapi tertangguh di atas beberapa limitasi prosedural polisi dalaman universiti. Kami dimaklumkan oleh HEP menubuhkan persatuan tersebut memerlukan kebenaran bertulis dari Naib Canselor terlebih dahulu.”

Penubuhan Kelab dan Persatuan Parti Politik dalam Kampus pula disuarakan oleh Pelajar Perundangan 14 sebagai suatu inisiatif positif dan dipersetujui majoriti apabila mahasiswa dibenarkan untuk menubuhkan kelab dan persatuan parti politik di dalam kampus dengan syarat serta kebenaran naib canselor masing-masing.

v. Dialog Pelajar Perundangan 16:

“Salah satu perkara yang kami tidak sabar mahu lakukan adalah menganjurkan forum berhubung isu-isu semasa masyarakat yang saling berkait rapat dengan hal ehwal politik tanah air. Forum sedemikian pada kebiasaannya akan meraih pelibatan ramai pelajar yang inginkan wacana bernas dari pelbagai pihak.”

Penganjuran Forum Isu Semasa Masyarakat menjadi intipati isu yang diketengahkan oleh Pelajar Perundangan 16 di mana menganggap forum yang sah bagi mahasiswa membincangkan isu semasa masyarakat dan menyuarakan kehendak mereka berkenaan parti politik kini adalah suatu keperluan dan hak mahasiswa.

vi. Dialog Pelajar Perundangan 22:

“Sebenarnya tindakan bijak kerajaan memansuhkan larangan bergiat dalam hal politik universiti. Jika dilihat dari sudut positif maka kita akan lebih membuka minda, dan bersetuju ianya mampu meningkatkan kesedaran dan kewaspadaan mahasiswa tentang hal ehwal negara.”

Kepekaan Mahasiswa dalam Senario Politik Tanah Air disarankan oleh Pelajar Perundangan 22 sebagai usaha menjadikan salah satu medium untuk mendekati mahasiswa kepada arena politik Malaysia. Malahan segala tindakan sepatutnya diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan kewaspadaan mahasiswa terhadap hal ehwal negara.

vii. Dialog Pelajar Perundangan 23:

“Saya rasa dalam konteks akauntabiliti, kebebasan berpolitik akan beri persepsi berbeza tentang reformasi kekurangan dan kepincangan pentadbiran negara yang menjadikan mahasiswa lebih peka.”

Akauntabiliti Mahasiswa dalam konteks penyertaan politik kampus diberi perhatian oleh Pelajar Perundangan 23 yang melihat peluang tersebut sebagai partisipasi mahasiswa menceburkan diri dalam arena politik negara. Walaubagaimanapun, kebenaran dan kebebasan yang dibenarkan oleh kerajaan tersebut mampu menanggung beban dan akauntabiliti mahasiswa untuk membawa reformasi terhadap kekurangan dalam pentadbiran negara.

viii. Dialog Pelajar Perundangan 24:

“Landasan forum bersama tokoh politikus negara yang dijemput datang ke universiti memberi kami peluang mengutarakan isu-isu politik yang boleh dibincangkan secara mendalam.”

Pendedahan Reformasi Pentadbiran Negara menjadi fokal perbincangan oleh Pelajar Perundangan 24 di mana mahasiswa berpeluang untuk memperdebatkan perkara-perkara berkaitan dengan sistem politik negara. Peluang untuk mendengar dan berkongsi platform yang sama dengan ahli-ahli politik bagi mendiagnosis kelemahan dan kekuatan senario politik tanah air merupakan cara terbaik bagi golongan mahasiswa didedahkan dengan pentadbiran negara.

2. Identiti Generasi Muda Celik Minda Politik Negara

Berdasarkan Jadual 2 terdapat 3 dari 24 orang pelajar perundangan membincangkan isu identiti generasi muda yang celik minda politik negara memberikan kelebihan kepada iklim politik tanah air dan dikaitkan dengan pendedahan pengalaman yang berharga dalam melahirkan pemimpin masa depan yang lebih berwawasan. Mereka boleh melihat dunia ini dari sudut pandangan yang berbeza. Ini dilontarkan melalui pandangan seperti berikut:

Jadual 2: Identiti Generasi Muda Celik Minda Politik Negara

Universiti 1	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Perundangan2	Pelajar Perundangan 7		Pelajar Perundangan 19

i. Dialog Pelajar Perundangan 2:

“Kami selalu dilabelkan sebagai agen perubahan mencorak masa depan negara. Saya rasa pandangan umum lebih cenderung untuk meletakkan golongan pelajar universiti sebagai golongan generasi muda intelektual. Suara kami lebih telus didengar apabila AUKU dipinda.”

Suara Mahasiswa Identiti Pewaris Ilmu Intelektual dijadikan isu perbincangan oleh Pelajar Perundangan 2 di mana tidak boleh dinafikan mahasiswa merupakan pewaris ilmu intelektual di mana mereka merupakan golongan terbesar agen perubahan utama negara. Identiti diri golongan generasi muda dikaitkan dengan mahasiswa mempunyai suara keramat mengemukakan idea dalam pembangunan Malaysia.

ii. Dialog Pelajar Perundangan 7:

“Saya rasa melibatkan diri dengan arena politik kampus ini mendidik saya untuk mengeluarkan idea yang lebih bernas. Perspektif saya sedikit sebanyak berubah dengan pendedahan untuk berfikir secara lebih kritis lagi.”

Perspektif Politik Komuniti Menara Gading pula digarapkan oleh Pelajar Perundangan 7 sebagai peluang golongan mahasiswa berupaya melihat dunia ini dari sudut pandangan yang berbeza. Pengalaman melibatkan diri dalam pergolakan politik kampus menjadikan mahasiswa berfikir secara kritis dan mampu melahirkan mahasiswa kepada pembangunan negara.

iii. Dialog Pelajar Perundangan 19:

“Saya selalu dapat membezakan kawan-kawan yang mempersembahkan kematangan berbeza. Aura personaliti agak terserlah kerana mereka mempunyai lebih keyakinan diri apabila berkecimpung dalam hal ehwal politik semasa. Misalnya, jika kita menyingkap kisah Parti Mahasiswa Negara (PMN) yang telah ditubuhkan oleh sekumpulan mahasiswa Malaysia pada 7 Januari 2008. Parti tersebut sememangnya mengadakan pelbagai topik perbincangan yang berkait dengan pentadbiran atau pembangunan negara yang beri pengalaman berguna.”

Mahasiswa Celik Minda Politik Negara pula menjadi perhatian Pelajar Perundangan 19 di mana beliau yakin mahasiswa yang cenderung kepada politik secara langsung atau tidak langsung akan lebih unggul berbanding dengan mahasiswa yang tidak pernah melibatkan diri dalam arena politik. Mahasiswa yang cenderung akan perbincangan tersebut boleh menyerapkan ilmu pengetahuan dan idea daripada orang lain memandangkan mereka lebih dekat dan paling memahami kehendak generasi muda.

3. Penyuburan Semangat Patriotisme Negara Bangsa

Berdasarkan Jadual 3 terdapat hanya seorang dari 24 orang pelajar perundangan mengeluarkan pandangan berhubung dengan penyuburan semangat patriotism sebagai satu negara bangsa apabila mahasiswa berkecimpung dalam arena politik kampus.

Jadual 3: Penyuburan Semangat Patriotisme Negara Bangsa

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Perundangan 4			

i. Dialog Pelajar Perundangan 4:

“Salah satu elemen yang diterapkan adalah semangat patriotisme sebagai rakyat Malaysia. Bukan semua perkara yang berkaitan dengan politik itu bersifat negatif. Secara rasional jika pelajar berminat dalam politik maka dia mesti mampuberfikir secara bijaksana dan mahukan kebaikan untuk kita menjadi negara maju dan sejahtera.”

Penyuburan Semangat Patriotisme Negara Bangsa dibicarakan oleh Pelajar Perundangan 4 dengan mendakwa kebanyakan mahasiswa yang berkecimpung dalam arena politik kampus

berhasrat untuk melihat Malaysia menuju ke arah sebuah negara maju dan sejahtera. Dalam konteks tersebut, beliau percaya mahasiswa sebagai generasi muda bukan sahaja harus disemai dengan semangat patriotik, tetapi perlu ditaman sikap rasional berfikir dengan bijaksana untuk membezakan antara apa yang betul dengan yang salah. Justeru itu, fikiran yang unik dan baru daripada mahasiswa haruslah diterapkan dalam rancangan pembangunan negara supaya segala perubahan dan perkembangan dapat dilaksanakan melalui pemikiran politik yang lebih matang (Herlina, J., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., & Rudy Adie, R., 2017).

4. *Golongan Intelektual, Matang dan Berwawasan Besar*

Berdasarkan Jadual 4 terdapat 4 dari 24 orang pelajar perundangan percaya bahawa golongan intelektual, matang dan berwawasan besar datangnya dari generasi muda yang diberikan peluang untuk mengasah bakat mereka menjadi pemimpin seawal dari zaman universiti lagi. Pernyataan yang dilontarkan oleh pelajar berikut membayangkan pandangan mereka berhubung isu di atas.

Jadual 4: Golongan Intelektual, Matang dan Berwawasan Besar

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Perundangan 6	Pelajar Perundangan 10	Pelajar Perundangan 13	Pelajar Perundangan 21

i. **Dialog Pelajar Perundangan 6:**

“Dinamika mahasiswa nyata terserlah apabila mereka diberi peluang untuk mencanai idea di gelanggang yang betul. Saya yakin landskap politik negara akan menjadi lebih hebat sekiranya akar umbi dididik sedari peringkat universiti.”

Golongan Intelektual, Matang dan Berwawasan Besar merupakan pemahaman yang dikongsi oleh Pelajar Perundangan 6 percaya golongan mahasiswa merupakan barisan pemimpin masa hadapan di mana landskap politik negara hari ini semakin dinamik dan memerlukan golongan intelektual dan berwawasan besar supaya negara terus makmur dan disegani di mata dunia.

ii. **Dialog Pelajar Perundangan 10:**

“Saya sentiasa percaya pemimpin bukan dilahirkan tetapi dididik dengan pendedahan yang baik. Secara jujur sebagai pelajar, kebebasan berpolitik dalam kampus berupaya untuk mencorak kepimpinan masa depan negara kita.”

Kebebasan Berpolitik Mencorak Kepimpinan Masa Depan dikatakan oleh Pelajar Perundangan 10 sebagai kebebasan bagi mahasiswa untuk berpolitik mampu mencorakkan aspek kepimpinan terutamanya di peringkat universiti. Walaupun sebarang prasangka yang masih dialami oleh mahasiswa belum dihapuskan dalam masyarakat kini, namun mahasiswa akan membuktikan dirinya dengan sebarang tindakan dan usaha pada suatu hari.

iii. **Dialog Pelajar Perundangan 13:**

“Jika dibandingkan Malaysia dengan negara maju, kita masih jauh ketinggalan dari segi memberi pendidikan politik kepada pelajar universiti. Kerajaan patut beri lebih kepercayaan kerana pendidikan politik dianggap sebagai instrumen bagi memastikan negara matang dan berwawasan.”

Pendidikan Politik Instrumen Negara Matang dan Kukuh menjadi tema perbualan Pelajar Perundangan 13 di mana beliau berpandangan bahawa pendidikan politik didedahkan kepada golongan mahasiswa dan tidak boleh diremehkan. Ini kerana pendidikan politik merupakan instrumen berkesan dalam membina asas bernegara yang matang dan kukuh. Mahasiswa haruslah sentiasa dilengkapi dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan politik untuk menyelesaikan masalah sebagai ahli politik pada masa depan.

iv. Dialog Pelajar Perundangan 21:

“Kita berdepan dengan cabaran politik alaf globalisasi. Masyarakat dunia menjadi semakin matang. Kami rasa pelajar universiti tidak terkecuali dari mendapat pendidikan awal semenjak berada dalam kampus lagi.”

Cabaran Politik Kenegaraan Alaf Globalisasi menjadi isu yang menarik perhatian Pelajar Perundangan 21 Contohnya, mahasiswa sekarang perlulah mengetahui dan mengambil perhatian kepada isu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), isu aktiviti pelacuran mahasiswa dan isu-isu lain yang berkaitan dengan isu semasa. Jadi, kefahaman yang dibina daripada pendidikan politik akan melahirkan masyarakat yang dapat berdepan gelora politik negara secara matang dan menyelesaikan cabaran bernegara yang semakin mancabar selaras era globalisasi.

5. Wahana Nasionalisme dalam Mencorak Dasar Pilihan Raya Negara

Berdasarkan Jadual 5 terdapat 8 dari 24 orang pelajar perundangan bersetuju bahawa penglibatan mahasiswa dalam arena politik kampus mempunyai kaitan dengan semangat jati diri yang seharusnya dibatasi dengan pematuhan peraturan bagi mengelakkan pandangan skeptikal masyarakat umum berhubung pelibatan aktiviti politik kampus yang kurang sihat. Antara isu yang diutarakan adalah seperti berikut:

Jadual 5: Wahana Nasionalisme dalam Mencorak Dasar Pilihan Raya Negara

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Perundangan 1	Pelajar Perundangan 8	Pelajar Perundangan 15	Pelajar Perundangan 20
Pelajar Perundangan 3		Pelajar Perundangan 17	Pelajar Perundangan 23
			Pelajar Perundangan 24

i. Dialog Pelajar Perundangan 1:

“Jika dulu mahasiswa terpalit dengan larangan aktiviti politik dalam kampus demi memperjuangkan hak dan kebajikan pelajar. Namun sekarang pelbagai aktiviti politik lebih terarah dengan semangat nasionalisme yang lahir dari jati diri.”

Semangat Nasionalisme Pasca Kemerdekaan dijadikan topik perbincangan Pelajar Perundangan 1 apabila membandingkan suasana politik masa lepas yang dilihat aktif dalam penglibatan pelbagai aktiviti politik nasional sekitar tahun 1970 di mana semangat nasionalisme yang tinggi pada pasca kemerdekaan memandangkan tiada undang-undang khusus menghalang pelajar dari terlibat dalam politik pada masa itu.

ii. Dialog Pelajar Perundangan 3:

“Peristiwa Baling 1974 mempalit reputasi mahasiswa dengan isu perjuangan menentang kemiskinan di mana kempen terbuka mengkritik dasar kerajaan pada ketika itu. Saya pasti mahasiswa masa kini lebih peka dalam tindakan yang bercanggah dari manifesto kerajaan yang memerintah.”

Kempen Terbuka Kritikan Dasar Kerajaan 1969 dan Peristiwa Baling 1974 menjadi isu yang dikeluarkan oleh Pelajar Perundangan 3 di mana beliau mengaitkan senario mahasiswa dari UKM telah menyertai Parti Buruh dan Parti Rakyat sebagai parti pembangkang semasa pilihan raya umum pada tahun 1969. Sekitar tahun 1974, mahasiswa telah berjuang menentang kemiskinan dalam peristiwa demonstrasi di Baling, Kedah. Dalam peristiwa tersebut, mereka mengadakan kempen secara terbuka dan mengkritik dasar kerajaan pada ketika itu.

iii. Dialog Pelajar Perundangan 8:

“Sejarah AUKU 1971 diperkenalkan bagi menghadkan pembabitan politik dan implikasi tersebut membawa ketidakpuasan hati pelajar. Jadi saya rasa tiada isu tentang hak bersuara dengan pindaan AUKU sekarang.”

Penubuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 telah dirujuk oleh Pelajar Perundangan 8 di mana beliau mengaitkan hal kerajaan telah memperkenalkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang menghalang pembabitan mahasiswa terhadap mana-mana parti politik. Perkara ini telah membangkitkan kemarahan mahasiswa yang mendakwa AUKU ini sebagai usaha menggehadkan dan mengekang suara mereka daripada didengari kerajaan yang memerintah.

iv. Dialog Pelajar Perundangan 15:

“Bila AUKU 1971 termaktub, kemeruduman kegiatan politik kampus banyak memberi kesan apabila mahasiswa ambil sifat tidak peduli dengan hal ehwal negara. Ini merugikan kita semua.”

Dampak AUKU 1971 dan Kemeruduman Kegiatan Politik Kampus menjadi intipati penghujahan yang dikemukakan oleh Pelajar Perundangan 15. Beliau merujuk kepada kesan kegiatan politik dalam kalangan mahasiswa UKM dan mahasiswa di universiti lain terbantut dan hanya tertumpu di kampus sahaja. Hal ini, telah membawa kepada ketidakpekaan mahasiswa terhadap masalah dalam isu masyarakat luar kampus.

v. Dialog Pelajar Perundangan 17:

“Dalam arus perdana, saya rasa kami tunggak pembangunan dan kejayaan tanah air. Memberi peluang mahasiswa berjinak-jinak dalam arena politik kampus mencorak hala tuju negara di masa hadapan.”

Signifikasi Mahasiswa Alaf Modenisasi meletakkan persepsi Pelajar Perundangan 17 yang meneliti arus modenisasi menjadikan mahasiswa sebagai golongan vital kepada pembangunan dan kejayaan sesebuah negara dan golongan tersebut dikatakan sebagai pewaris kepada kepimpinan yang mencorakkan hala tuju dan jatuh bangun sesebuah negara.

vi. Dialog Pelajar Perundangan 20:

“Improviasi pindaan AUKU 2012 membuka ruang mahasiswa bertanding di peringkat nasional. Ini memberi impak positif kepercayaan kerajaan kepada pelajar universiti.”

Improvasi Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 2012 menjadi perbualan hangat dan diutarakan oleh Pelajar Perundangan 20. Dalam konteks tersebut, hal berkenaan telah memberi inisiatif kepada kerajaan dalam memberikan kelonggaran Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, di mana kerajaan telah melakukan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pada tahun 2012 yang membolehkan mahasiswa dari UKM menceburi politik seterusnya dibenarkan bertanding dalam pilihan raya di peringkat nasional.

vii. Dialog Pelajar Perundangan 23:

“Saya yakin pelibatan mahasiswa dalam politik walaupun masih di peringkat universiti mampu menjadi penentu dasar pilihan raya negara. Golongan belia mengambil peratusan paling besar calon pengundi dalam pilihan raya umum.”

Salinghubung Pelibatan Mahasiswa & Penentuan Dasar Pilihan Raya Negara memberikan asas kepada pernyataan yang dikeluarkan oleh Pelajar Perundangan 23 yang mendakwa pelibatan mahasiswa dalam politik mampu mempengaruhi senario politik negara yang mampu mempengaruhi penentuan dasar dan keputusan pilihan raya negara.

viii. Dialog Pelajar Perundangan 24:

“Internet, media sosial dan SMS antara metod utama perwakilan pelajar dalam capaian prospektif pengundi. Hampir semua strategi melobi menggunakan aplikasi teknologi dan media sosial.”

Aplikasi Teknologi dan Media Sosial dalam Memperkasa Ilmu Pemikiran Semasa menjadi isu yang diketengahkan oleh Pelajar Perundangan 24 yang menyatakan bahawa aplikasi teknologi maklumat melalui internet, media sosial dan SMS dimanfaatkan sepenuhnya oleh mahasiswa UKM sebagai medium untuk memperkasakan pengetahuan dan pemikiran dari semasa ke semasa.

6. Landasan Asahan Bakat dan Pementapan Sahsiah Pemimpin Masa Depan

Berdasarkan Jadual 6 terdapat 8 dari 24 orang pelajar perundangan percaya bahawa landasan mengasah bakat kepimpinan berkarisma datangnya dari pengalaman berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan pucuk pimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Pementapan sahsiah diri terbentuk dari proses kepimpinan tersebut dikongsi oleh pelajar-pelajar dijelaskan seperti pernyataan dialog-dialog di bawah:

Jadual 6: Landasan Asahan Bakat dan Pementapan Sahsiah Pemimpin Masa Depan

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Perundangan 1	Pelajar Perundangan 9	Pelajar Perundangan 16	Pelajar Perundangan 20
Pelajar Perundangan 5	Pelajar Perundangan 10	Pelajar Perundangan 18	Pelajar Perundangan 22

i. Dialog Pelajar Perundangan 1:

“Setiap universiti mempunyai MPP dan setiap MPP memperjuangkan falsafah yang berbeza tetapi untuk mencapai objektif yang sama iaitu menjaga kebajikan dan mengekalkan kesejahteraan mahasiswa. Pemimpin MPP menggarap bakat kepimpinan yang diasah dari penyertaan aktif dalam arena politik kampus.”

Falsafah Penubuhan Majlis Perwakilan Pelajar diterangkan oleh Pelajar Perundangan 1 apabila menjelaskan dari sudut sejarah pilihan raya kampus UKM di mana Majlis Perwakilan Pelajar Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (MPP PMUKM) ditubuhkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memperjuangkan kebajikan mahasiswa namun didominasi oleh kumpulan Islamik.

ii. Dialog Pelajar Perundangan 5:

“Visi MPP memperjuangkan kebajikan mahasiswa dan ini sebenarnya permulaan mengasah bakat pemimpin muda dan proses pemantapan sahsiah diri masa depan.”

Matlamat Penubuhan MPP sekali lagi diketengahkan oleh Pelajar Perundangan 5 dengan memberikan pengalaman pelibatan mahasiswa UKM dalam arena politik kampus secara asalnya adalah sebagai satu platform untuk mereka mengasah bakat dan sahsiah dalam memantapkan nilai kepimpinan.

iii. Dialog Pelajar Perundangan 9:

“Saya rasa peranan yang dimainkan oleh pensyarah banyak membantu kami untuk menguruskan proses pilihan raya dan memberi pengalaman bernilai.”

Pemantapan Sahsiah Diri Mahasiswa Melalui Pendedahan Proses Pilihan Raya Kampus menyingkap penceritaan dari Pelajar Perundangan 9 yang menjadikan contoh dalam memantapkan sahsiah diri mahasiswa UKM, pensyarah telah mengadakan aktiviti pilihan raya kampus pada setiap pertukaran semester baru yang dapat mengajar dan memberi pengalaman kepada mahasiswa berkaitan dengan proses-proses pilihan raya yang serupa dengan pilihan raya umum. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan kesedaran politik dan memberikan peluang kepada mahasiswa untuk memilih pucuk pimpinan mereka dan pilihan raya kampus juga dilihat sebagai cara mahasiswa untuk bersuara dalam memilih barisan-barisan kepimpinan universiti.

iv. Dialog Pelajar Perundangan 10:

“Strategi pilihan raya kampus selalunya mensasarkan pelajar-pelajar baru dan ini memberi persaingan sengit kepada calon-calon pilihan raya.”

Strategi Pilihan Raya Kampus merupakan agenda yang dilihat oleh Pelajar Perundangan 10 sebagai pendedahan pelibatan politik kampus. Misalnya pilihanraya kampus UKM biasanya berlaku pada semester pertama, serta melibatkan mahasiswa baru mendaftar bagi turut serta mengundi. Para calon pilihan raya kampus memperlihatkan persaingan sengit merebut kerusi sebagai pemimpin. Status mahasiswa baru menjejakkan kaki ke menara gading mendedahkan mereka dipengaruhi dengan pelbagai strategi oleh calon-calon pemimpin pilihan raya kampus.

v. Dialog Pelajar Perundangan 16:

“Saya lebih teruja dengan suasana pilihan raya kampus yang menyaksikan calon-calon pemimpin melobi diri masing-masing dalam meraih undi.”

Kriteria Calon Bertanding bagi Kerusi MPP merupakan isu Pelajar Perundangan 16 apabila merujuk suasana pilihan raya kampus di mana pengusulan beberapa calon dilakukan terlebih bertujuan memilih pengganti pemimpin terdahulu serta pelajar turut boleh sukarela mencalonkan diri sendiri. Calon bertanding dan beroleh undi terbanyak dilihat sebagai memiliki kriteria pemimpin baharu.

vi. Dialog Pelajar Perundangan 18:

“Pada kebiasaannya calon MPP akan disaring oleh pihak HEP. Majoriti dari calon yang berjaya memasuki senarai pencalonan ada kriteria aktif terlibat di peringkat universiti, nasional atau antarabangsa.”

Barisan Kepimpinan AJK MPP difahami oleh Pelajar Perundangan 18 sebagai calon bertanding pilihan raya kampus yang pernah menjadi pemimpin peringkat sama ada aktiviti kolej, persatuan atau pernah memenangi apa-apa acara di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa. Calon kriteria berkenaan mampu menyakini para mahasiswa untuk memilihnya sebagai pemimpin atau barisan-barisan AJK yang boleh dipercayai dalam pengurusan di universiti.

vii. Dialog Pelajar Perundangan 20:

“Saya rasa era sekarang lebih ke arah bijak memaksimumkan kemahiran IT dalam menjalankan kempen pilihan raya kampus. Peruntukan yang diberikan oleh pihak HEP mesti diutilasikan untuk mengaut undi melalui dalam talian.”

Utilasi Kemahiran Teknologi Maklumat Melalui Strategi Kempen Pilihan Raya Kampus dilihat antara isu yang diketengahkan oleh Pelajar Perundangan 20. Beliau percaya sepanjang pilihan raya kampus berlangsung, para calon pemimpin bergantung kepada teknologi maklumat bagi melobi diri masing-masing. Media sosial seperti facebook, instagram atau pun whatsapp menjadi pilihan utama bagi meraih sokongan para pelajar.

viii. Dialog Pelajar Perundangan 22:

“Kami masih meletakkan keutamaan nasihat dan tunjuk ajar dari pensyarah dalam mengawalselia pelaksanaan pilihan raya kampus. Pelajar sentiasa merasakan peranan pensyarah sebagai vital dalam arena politik peringkat universiti.”

Peranan Pensyarah Sebagai Pembawa Arus Suasana Arena Politik Kampus menjadi tumpuan perbincangan bersama Pelajar Perundangan 22. Peranan kritikal pensyarah sebagai golongan berpengalaman mampu menjadi membantu suasana arena politik kampus berjalan lancar. Penganjuran aktiviti pilihan raya kampus meningkatkan semangat nasioanalisme mahasiswa lebih mudah dipantau dan mencapai matlamat meletakkan mereka sebagai pewaris pemimpin politik masa hadapan sesebuah negara.

7. Modenisasi Pembangunan Politik vs Ketaksuban dan Pertembungan Ideologi

Berdasarkan Jadual 7 hanya terdapat 1 dari 24 orang pelajar perundangan mengaitkan modenisasi pembangunan politik wajar dielakkan dari ketaksuban dan pertembungan ideologi individu yang menceburkan diri dalam bidang politik walaupun ianya melibatkan peringkat politik kampus.

Jadual 7: Modenisasi Pembangunan Politik vs Ketaksuban dan Pertembungan Ideologi

Universiti 1	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
	Pelajar Perundangan 12		

i. Dialog Pelajar Perundangan 12:

‘Saya percaya dalam politik kena ada keseimbangan pemikiran. Kesan pembudayaan politik negatif membawa modenisasi ekonomi, ketertiban sosial dan kemajuan birokrasi. Sebaliknya pertembungan ideologi menyumbang ketaksuban perjuangan politik individu.’

Modenisasi Pembangunan Politik vs Ketaksuban dan Pertembungan Ideologi dihujahkan oleh Pelajar Perundangan 12 boleh dilihat wujud sebagai impak pembangunan politik yang positif di mana ianya mampu mewujudkan modenisasi, kemajuan ekonomi, keterbiban sosial dan kemajuan birokrasi. Namun dalam masa yang sama, kebarangkalian untuk berhadapan dengan impak budaya politik negatif apabila berlakunya pertembungan ideologi politik berbeza-beza yang akhirnya berupaya untuk mencetuskan ketaksuban dalam perjuangan parti politik masing-masing.

8. Relevansi Suara Pelajar dan Perlanggaran Hak Asasi

Berdasarkan Jadual 8 terdapat 8 dari 24 orang pelajar perundangan yang mengaitkan relevansi suara mahasiswa dengan perlanggaran hak asasi manusia. Mengambil kira responden kajian terdiri dari kelompok pelajar yang mengikuti program pengajian perundangan maka pandangan yang diketengahkan memperlihatkan celik pengetahuan mereka berhubung hak perlanggaran hak asasi manusia.

Jadual 8: Relevansi Suara Pelajar dan Perlanggaran Hak Asasi

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Perundangan 2	Pelajar Perundangan 8	Pelajar Perundangan 15	Pelajar Perundangan 19
Pelajar Perundangan 4	Pelajar Perundangan 11	Pelajar Perundangan 17	Pelajar Perundangan 21

i. Dialog Pelajar Perundangan 2:

‘Pada saya suara pelajar sangat relevan. Bila bercakap mengenai AUKU pelajar akan nampak hak bersuara, hak berkumpul. Itu semua termasuk di bawah hak asasi manusia. Kita tidak mahua da perlanggaran hak asasi oleh pihak universiti.’

Relevansi Suara Pelajar dan Perlanggaran Hak Asasi mendapat keprihatinan dari Pelajar Perundangan 2 apabila dikatakan penglibatan mahasiswa secara aktif dalam bidang politik sekitar tahun 60-an hingga 70an membawa kepada pembentukan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971). Rentetan insiden berkenaan menimbulkan perasaan kurang senang pelbagai pihak. Sejarah membuktikan pilihan raya umum tahun 1969 yang menonjolkan pengaruh mahasiswa menghasilkan manifesto mereka sendiri sehingga menyebabkan Parti Perikatan mengalami kemerosotan sokongan.

ii. Dialog Pelajar Perundangan 4:

‘Apabila AUKU 1975 melarang pelajar terlibat dalam politik, itu beri percanggahan peruntukan hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan. Itu yang sebenarnya intipati demonstrasi golongan pelajar ketika itu.’

Pindaan AUKU 1975 Larangan Mahasiswa Berpolitik dijadikan motif penghujahan Pelajar Perundangan 4 di mana ekoran penguatkuasaan AUKU, aktiviti politik mahasiswa semakin lemah terutama selepas pindaan AUKU tahun 1975 melarang keras keterlibatan mahasiswa dalam politik kampus. Akibat pindaan itu, teretusnya kontroversi apabila tindakan tersebut

bercanggah dengan peruntukan terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya melanggar hak asasi mahasiswa. Akta ini menjadi benteng penghalang kepada mahasiswa dan ahli akademik dalam memberi pendapat secara bebas.

iii. Dialog Pelajar Perundangan 8:

“Sudah nyata lagi jelas golongan pelajar mempunyai hak yang sama ke atas Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan - hak kebebasan bersuara, berhimpun dan berserikat. Itu hak kepada mana-mana individu yang sah sebagai warga negara Malaysia”.

Perkara 10 (1) Perlembagaan Persekutuan Hak Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Berserikat menjadi fokus perkongsian bicara bersama Pelajar Perundangan 8 di mana beliau merujuknya sebagai suatu yang bertentangan Perkara 10 (1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan hak kebebasan bersuara, berhimpun dan berserikat adalah hak kepada mana-mana individu yang sah sebagai warga negara Malaysia.

iv. Dialog Pelajar Perundangan 11:

“Keputusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara meluluskan pindaan AUKU 2012 yang membenarkan mahasiswa terlibat dalam apa juga perserikat, badan atau kumpulan termasuk parti politik ketika di luar kampus sangat dihargai oleh pelajar universiti yang kini ada landasan yang sah untuk bersuara.”

Dewan Rakyat dan Dewan Negara Meluluskan Mahasiswa Berpolitik merujuk kepada apresiasi yang ditunjukkan oleh Pelajar Perundangan 11 apabila Dewan Rakyat dan Dewan Negara meluluskan pindaan AUKU pada tahun 2012 yang membenarkan mahasiswa terlibat dalam apa juga perserikat, badan atau kumpulan termasuk parti politik ketika di luar kampus.

v. Dialog Pelajar Perundangan 15:

“Yang paling terkini iaitu tahun 2019 dan paling beri impak besar pindaan AUKU telah dibuat sekali lagi untuk memansuhkan Seksyen 15(2)(c). Mahasiswa mendapat mandat bersuara dengan lebih telus dan mencapai lebih ramai audience.”

Pindaan Seksyen 15(2) AUKU 2019 menjadi tumpuan pandangan Pelajar Perundangan 15 yang mengaitkan perubahan akta yang dilakukan pada tahun 2019 di mana pindaan AUKU telah dibuat sekali lagi untuk memansuhkan Seksyen 15(2)(c) AUKU yang menghalang mahasiswa terbabit dalam kegiatan politik di kampus, sekali gus memberi lebih banyak ruang dan kebebasan dalam bersuara serta berpolitik.

vi. Dialog Pelajar Perundangan 17:

“Semua pemansuhan ketiga-tiga akta terpakai kepada semua universiti awam (UA), institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), politeknik, kolej komuniti serta institut perguruan. Ianya suatu perkembangan perundangan yang memihak kepada pelajar.”

Pemansuhan Seksyen 47 (2) (C) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Seksyen 10(2)(C) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib)1976 diketengahkan sekali lagi oleh Pelajar Perundangan 17 di mana selari dengan perkara itu, Seksyen 47 (2) (C) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Seksyen 10(2)(C) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib)1976 juga dimansuhkan, semuanya terpakai kepada semua universiti awam (UA), institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), politeknik, kolej komuniti serta institut perguruan.

vii. Dialog Pelajar Perundangan 19:

“Saya yakin pindaan AUKU menghapuskan 'budaya kebimbangan' dalam kalangan mahasiswa. Penghapusan budaya itu akan membuang sifat pasif dan berdiam diri mereka, yang akhirnya akan melahirkan mahasiswa berkualiti tinggi yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara”.

Gerakan Mahasiswa Mansuhkan AUKU (Akta174) merupakan isu menarik bersama Pelajar Perundangan 19 yang percaya kejayaan ini merupakan usaha daripada Gerakan Mahasiswa yang tegar mansuhkan AUKU (Akta174) yang memperjuangkan hak kebebasan dan keadilan mahasiswa. Pindaan AUKU yang dikatakan menghapuskan 'budaya kebimbangan' dalam kalangan mahasiswa turut mampu membuang sifat pasif dan berdiam diri mereka, yang akhirnya melahirkan mahasiswa berkualiti tinggi dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

viii. Dialog Pelajar Perundangan 21:

“Semua dari kita tahu bahawa suara mahasiswa penting dalam politik di negara kita kerana mahasiswa adalah golongan terbesar di negara kita yang merupakan agen perubahan utama negara”.

Suara mahasiswa penting dalam politik di negara telah disebut oleh Pelajar Perundangan 21 kerana mahasiswa adalah golongan terbesar di negara kita yang merupakan agen perubahan utama negara. Golongan mahasiswa ini turut dikenali sebagai golongan intelektual dan merangkumi majoriti masyarakat menjadi penggerak ekonomi dan pentadbiran negara.

9. Cakna Politik Semasa dan Karisma Kepintaran Emosi

Berdasarkan Jadual 9 terdapat 3 dari 24 orang pelajar perundangan yang membicarakan cakna politik semasa dan memperlihatkan karisma kepintaran emosi bagi golongan pelajar universiti yang terlibat secara langsung dalam gelanggang politik kampus semasa mengikuti pengajian di peringkat universiti. Mereka mengolah pandangan peribadi mereka seperti yang dipersembahkan oleh dialog-dialog di bawah:

Jadual 9: Cakna Politik Semasa dan Karisma Kepintaran Emosi

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Perundangan 3	Pelajar Perundangan 12	Pelajar Perundangan 13	

i. Dialog Pelajar Perundangan 3:

“Tujuan MPP melahirkan bakal-bakal pemimpin, mahasiswa sangat perlu cakna dan ambil peduli hal-hal politik semasa negara kerana mahasiswa adalah kepimpinan masa hadapan.”

Cakna Politik Semasa dan Karisma Kepintaran Emosi diiltizamkan oleh Pelajar Perundangan 3 di mana beliau merasakan sebagai bakal-bakal pemimpin, mahasiswa sangat perlu cakna dan ambil peduli hal-hal politik semasa negara kerana mahasiswa adalah kepimpinan masa hadapan. Selain itu, dapat dilihat bahawa mahasiswa yang cenderung kepada politik samaada menceburi secara langsung atau tidak langsung, akan lebih bermaklumat berbanding mahasiswa yang tidak berminat.

ii. Dialog Pelajar Perundangan 12:

“Aspirasi kami adalah untuk mendedahkan diri dalam gelanggang politik supaya kami lebih berwawasan, berkarisma dan ada kredibiliti untuk diberi kepercayaan sebagai pemimpin masa depan.”

Hak Berpolitik Mahasiswa Menjana Karisma dan Kredibiliti Pemimpin menjadi tajuk perkongsian minda bersama Pelajar Perundangan 12 di mana beliau yakin kebebasan berpolitik dalam kalangan mahasiswa dilihat mampu membantu mencorak aspek kepimpinan terutama di peringkat universiti dan mereka yang berkarisma dan berkredibiliti dapat memacu pembentukan negara ke arah lebih baik tidak kira daripada segi politik, ekonomi dan sosial.

iii. Dialog Pelajar Perundangan 13:

“Ramai yang begitu bimbang anak pelajar akan leka daripada proses akademik kerana terlalu asyik berpolitik. Beban pembuktian kini terletak pada bahu mahasiswa untuk menunjukkan bahawa telahan ini meleset.”

Kepintaran Emosi dan Fleksibiliti Kognitif Mahasiswa Cakna Politik pula dikatakan oleh Pelajar Perundangan 13 sebagai elemen kebimbangan ibu bapa terhadap anak pelajar akan leka daripada proses akademik kerana terlalu asyik berpolitik. Beban pembuktian kini terletak pada bahu mahasiswa untuk menunjukkan bahawa telahan ini meleset. Mahasiswa hendaklah semakin cintakan ilmu, terus belajar dan memperbaiki diri untuk maju dalam politik, kemahiran komunikasi, pemikiran strategik, pengurusan risiko, kepintaran emosi, fleksibiliti kognitif dan banyak lagi cabang yang mesti dikuasai.

10. Kewajaran Pendidikan Politik Matang IPT

Berdasarkan Jadual 10 terdapat 3 dari 24 orang pelajar perundangan memperlihatkan kewajaran pendidikan politik matang sebagai output positif dari pelibatan pelajar dalam politik kampus. Antara hujahan pelajar-pelajar tersebut adalah seperti yang dikeluarkan oleh kenyataan berikut:

Jadual 10: Kewajaran Pendidikan Politik Matang IPT

Universiti 1	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Perundangan 6	Pelajar Perundangan 7		Pelajar Perundangan 24

i. Dialog Pelajar Perundangan 6:

“Mahasiswa sepatutnya didedahkan kepada kursus literasi politik di mana pelajar mempunyai pengetahuan menganalisis isu-isu politik secara kritis dan tidak naif dengan tingkah laku politikus. Pendidikan politik di peringkat universiti boleh mematangkan mahasiswa.”

Kewajaran Pendidikan Politik Matang IPT membawa perkongsian Pelajar Perundangan 6 yang berpendapat pendidikan politik wajar diterapkan kepada generasi muda melalui kursus wajib universiti, terutama pengertian politik secara lebih meluas, etika dan tatacara politik matang serta mendedahkan mahasiswa dengan isu-isu semasa yang dapat memapan kematangan politik dalam kalangan mahasiswa.

ii. Dialog Pelajar Perundangan 7:

“Saya sering menjadikan saranan Prof. Datuk Mohd Fauzi Ramlan dalam siaran Astro Awani sebagai pandangan bernas pemimpin tertinggi universiti yang benar-benar faham maksud kematangan mahasiswa dalam lanskap politik kampus dan negara.”

Kepentingan Pendedahan Arena Politik Secara Realiti Mahasiswa menjadi topik yang dikisahkan oleh Pelajar Perundangan 7 di mana beliau memberi contoh pada 7 April 2013 apabila Astro Awani telah menerbitkan satu artikel yang disuarakan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia. Dalam wawancara tersebut, Profesor Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan menyatakan bahawa mahasiswa kini sudah matang dan boleh diberi peluang untuk terlibat dalam politik di luar kampus. Kepentingan arena politik mahasiswa ini bukan sahaja dapat memantapkan corak kepimpinan pelajar bahkan memberikan peluang kepada mahasiswa untuk mengalami sendiri situasi politik secara realiti.

iii. Dialog Pelajar Perundangan 24:

“Saya rasa kursus Pendidikan Politik sangat ideal untuk menjadi kursus teras semua universiti supaya mahasiswa mendapat pengetahuan politik yang boleh menjadikan kami lebih matang dalam senario politik semasa.”

Terapan Modul Pendidikan Politik di IPT diselitkan dalam bual bicara bersama Pelajar Perundangan 24 yang menyatakan pendekatan subjek sejarah yang telah diperkenal di sekolah menengah mungkin tidak secara khusus menerapkan modul pendidikan politik dan politik matang. Justeru itu, pelajar harus didedahkan kepada konsep politik di dalam Malaysia dan mengkhususkan kursus wajib Pendidikan Politik kepada semua penuntut universiti.

11. Kewajaran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Penyertaan Politik Kampus

Berdasarkan Jadual 11 terdapat 3 dari 24 orang pelajar perundangan meletakkan kewajaran pertubuhan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai suatu yang sinonim dengan penyertaan politik kampus oleh pelajar-pelajar universiti. Antara komentar yang dikeluarkan oleh responden kajian ini lebih memperlihatkan pandangan berbeza-beza berhubung kepentingan dari penyertaan pelajar dalam MPP dan implikasi dari kegiatan tersebut.

Jadual 11: Kewajaran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Penyertaan Politik Kampus

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Perundangan 3	Pelajar Perundangan 9	Pelajar Perundangan 14	

i. Dialog Pelajar Perundangan 3:

“Saya tidak menolak mahupun berminat untuk terlibat dalam MPP. Saya rasa lebih baik bersifat berkecuali kerana saya lebih suka menumpukan perhatian sepenuhnya pada pelajaran.”

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politik Kampus menjadi isu yang dirasakan remeh oleh Pelajar Perundangan 3 di mana beliau secara peribadi merasakan kewajaran mahasiswa terlibat dalam politik kampus digembar gemburkan, sama ada politik kampus ataupun politik negara yang melibatkan parti-parti tertentu. Majoriti mahasiswa bersifat berkecuali daripada terlibat dengan politik tetapi tidak menolak untuk menyokong mana-mana pemerintah. Keutamaan mahasiswa lebih kepada menuntut ilmu dan berusaha mendapatkan keputusan peperiksaan cemerlang.

ii. Dialog Pelajar Perundangan 9:

“Saya tidak nafikan persepsi saya sedikit berbeza apabila terdedah dengan aktiviti yang bersifat isu semasa dan politik kampus. Saya berfikir dengan lebih kritis dan sedikit sebanyak membentuk jati diri.”

Penerapan Fahaman Politik Luar Ke Dalam Kampus dikatakan selari dengan pendapat Pelajar Perundangan 9 di mana beliau merasakan kehidupan yang mencabar di kampus mendedahkan mahasiswa dengan isu semasa melibatkan kepemimpinan, keilmuan, senario politik dan perjuangan peribadi. Dichelah-celah kekalutan menimba ilmu terdapat segelintir penuntut yang membawa fahaman politik masing-masing di luar ke dalam kampus. Tidak salah jika mereka ini hanya sekadar berpolitik di dalam kampus untuk bertanding merebut kerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), ini mampu melahirkan mahasiswa lebih berintegriti.

iii. Dialog Pelajar Perundangan 14:

“Saya sedikit terpingga-pingga apabila diberitahu untuk turun mengundi. Pengalaman baru bagi diri saya apabila senior mendekati pelajar baru untuk melobi dan memilih mereka bagi kerusi MPP.”

Penerajuan Proses Pilihanraya Kampus didedahkan kepada Pelajar Perundangan 14 sejurus menjejak kaki di kampus kerana di arah untuk melakukan pengundiaan Majlis Perwakilan Pelajar pada ketika itu. Secara tidak langsung mahasiswa terdedah dengan fenomena politik kampus bagi melantik pemimpin dalam kalangan pelajar. Secara peribadi merasakan pilihanraya kampus meningkatkan pengalaman ikut serta dalam proses pilihan raya. Pengalaman berkenaan memamatkan bukan sahaja pelajar yang menguruskannya, tetapi dijadikan pembelajaran baru. Memegang jawatan sebagai pemimpin pelajar ketika berada di kampus boleh menjadikan seseorang penuntut lebih bertanggungjawab dan mewujudkan jati diri yang tinggi.

Rumusan dan Cadangan

Pendidikan politik adalah satu instrumen berkesan dalam membina asas bernegara yang matang dan kukuh (Hanneeyzah Bariah, 2019). Dalam konteks perbincangan kertas kerja ini, kefahaman yang dibina daripada pendidikan politik dalam kalangan pelajar perundangan yang terlibat dalam kajian ini mengesahkan negara berupaya melahirkan generasi muda yang mampu berdepan gelora politik negara secara matang dan menyelesaikan cabaran bernegara yang semakin mencabar selaras era globalisasi.

Kesedaran Isu Masyarakat dan Akauntabiliti Hal Ehwal Negara

Salah satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menggalakkan penglibatan mahasiswa dalam arena politik adalah meluluskan tiga pindaan akta bagi memberi kebebasan mahasiswa berpolitik di kampus Universiti Awam ataupun Institusi Pengajian Tinggi (Mohd Iskandar, 2018). Selain pindaan bagi memansuhkan peruntukan Seksyen 15(2)(c) AUKU 1971, dua lagi membabitkan pindaan Seksyen 47(2)(c) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Seksyen 10(2)(c) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976. (Mohd Fadli, 2018). Ketiga-tiga akta tersebut dilulus sebulat suara selepas bacaan kali ketiga Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik. Matlamat kesemua pindaan terhadap akta tersebut adalah menamatkan kekangan ke atas mahasiswa kita untuk menglibatkan diri dalam aktiviti parti politik di dalam kampus. Misalnya, mahasiswa boleh menjemput wakil parti politik ke dalam kampus untuk memberi taklimat yang berkaitan dengan sistem politik negara kita. Dengan itu, mahasiswa

akan berpeluang untuk mempersoalkan perkara-perkara sistem politik secara mendalam. Sejurus itu, mereka boleh mempertimbangkan kelemahan dan kekuatan sistem politik kini serta terus mencari cara terbaik untuk menyelesaikan kelemahan tersebut. Di samping itu, mahasiswa dibenarkan untuk menubuhkan kelab dan persatuan parti politik di dalam kampus dengan syarat serta kebenaran naib canseor masing-masing (Muhammad Yusri, 2019). Forum yang sah bagi mahasiswa membincangkan isu semasa masyarakat dan menyuarakan kehendak mereka berkenaan parti politik kini. Dari perspektif tersebut usaha berkenaan merupakan salah satu saluran untuk mendekati mahasiswa kepada arena politik Malaysia. Walaubagaimanapun, kebenaran dan kebebasan yang dibenarkan oleh kerajaan tersebut mampu menanggung beban dan akuantabiliti mahasiswa untuk membawa reformasi terhadap kekurangan dalam pentadbiran negara. Justeru itu, segala tindakan sepatutnya diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan kewaspadaan mahasiswa terhadap hal ehwal negara.

Identiti Generasi Muda Celik Minda Politik Negara

Isu berhubung identiti generasi muda celik minda politik negara menjadi topik perbualan yang hangat apabila kempen politik kampus dilaksanakan (Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Hasbullah, A. Herlina, J., dan Rudy Adie, R., 2017). Insiden melibatkan tuntutan pelajar dengan pihak pengurusan universiti dilihat sebagai fasa di mana mahasiswa sedang mengalami pelbagai jenis pertentangan yang menguji di peringkat menara gading. Dalam konteks tersebut, mahasiswa diharapkan mampu memegang iltizam berfikir dengan jernih semasa menangani isu yang dituntut. Tambahan lagi, mahasiswa yang cenderung kepada politik secara langsung atau tidak langsung akan lebih unggul berbanding dengan mahasiswa yang tidak pernah melibatkan diri dalam arena politik (Syaziyah Sharif, 2018). Misalnya, Parti Mahasiswa Negara (PMN) telah ditubuhkan oleh sekumpulan mahasiswa Malaysia pada 7 Januari 2008 (Roslizawati & Mohd Rizal, 2017). Parti tersebut sememangnya mengadakan pelbagai topik perbincangan yang berkait dengan pentadbiran atau pembangunan negara. Mahasiswa yang cenderung mengambil pendekatan membentuk perbincangan untuk menyerapkan ilmu pengetahuan dan idea daripada orang lain. Secara umumnya, pandangan atau idea yang bernas dan baik boleh dilahirkan oleh mahasiswa kepada pembangunan negara kita (Norshamliza Chamhuri *et al.*, 2019).

Penyuburan Semangat Patriotisme Negara Bangsa

Majoriti mahasiswa peka terhadap isu penyuburan semangat patriotisme negara bangsa yang diuar-uarkan dan faham terhadap hasrat kerajaan menuju ke arah Malaysia sebagai sebuah negara maju dan sejahtera (Muhamad Nadzri & Nidzam Sulaiman, 2018). Justeru itu, golongan mahasiswa universiti merupakan generasi muda ini yang wajar untuk bukan sahaja disemai dengan semangat patriotik sedari kecil, malahan harus ditanam dengan mentaliti rational agar mampu berfikir secara bijaksana untuk membezakan antara apa yang betul dengan yang salah (Mazli, Abdul Razak & Abdul Rashid, 2015). Tuntasnya, fikiran yang unik dan baru daripada mahasiswa haruslah diterapkan dalam rancangan pembangunan negara supaya segala perubahan dan perkembangan dapat dilaksanakan (Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011; Dayu, Mohd Sohaimi, Budi & Yusten 2015).

Golongan Intelektual, Matang dan Berwawasan Besar

Golongan intelektual, matang dan berwawasan besar mahasiswa layak diiktiraf sebagai kepimpinan masa hadapan. Landskap politik negara hari ini dilihat semakin dinamik dan memerlukan golongan intelektual dan berwawasan besar supaya negara terus makmur dan disegani di mata dunia (Hanneeyzah Bariah, 2019). Ini membawa kepada keperluan untuk

memberikan kebebasan bagi mahasiswa untuk berpolitik serta mendapat pengalaman yang mampu mencorakkan aspek kepemimpinan terutamanya di peringkat universiti (Syaziyah Sharif, 2018). Tidak dapat dinafikan bahawa prasangka skeptikal berhubung golongan mahasiswa belum dihapuskan sepenuhnya. Namun mahasiswa perlu membuktikan pendidikan politik merupakan satu instrumen berkesan dalam membina asas bernegara yang matang dan kukuh (Sualman, 2019). Mahasiswa haruslah sentiasa dilengkapi dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan politik untuk menyelesaikan masalah sebagai ahli politik pada masa depan. Keprihatinan isu semasa yang melibatkan mahasiswa memberikan kefahaman menyelesaikan cabaran bernegara yang semakin mencabar selaras era globalisasi (Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Abu Bakar, A. H., Herlina, J., and Hasbullah, A. (2018).

Wahana Nasionalisme dalam Mencorak Dasar Pilihan Raya Negara

Isu yang sering diketengahkan dalam media masa berhubung pelibatan mahasiswa merujuk implikasi wahana nasionalisme dalam mencorak dasar pilihan raya negara. Rujukan ke atas suasana politik kampus suatu ketika dahulu di mana mahasiswa UKM bergiat aktif dalam penglibatan pelbagai aktiviti politik nasional sekitar tahun 1970an disebabkan sermangat nasionalisme yang tinggi pada pasca kemerdekaan serta tiada undang-undang khusus menghalang pelajar dari terlibat dalam politik pada masa itu (Mazli, Abdul Razak, Abdul Rashid, 2015). Sebagai contoh, mahasiswa dari UKM telah menyertai Parti Buruh dan Parti Rakyat sebagai parti pembangkang semasa pilihan raya umum pada tahun 1969. Sekitar tahun 1974, mahasiswa telah berjuang menentang kemiskinan dalam peristiwa demonstrasi di Baling, Kedah. Dalam peristiwa tersebut, mereka mengadakan kempen secara terbuka dan mengkritik dasar kerajaan pada ketika itu. Rentetan dari insiden, kerajaan telah memperkenalkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang menghalang pembabitian mahasiswa terhadap mana-mana parti politik (Wikipedia AUKU, 2018).

Perkara ini telah membangkitkan kemarahan mahasiswa yang mendakwa AUKU ini sebagai usaha memberi limitasi dan menghilangkan suara mereka daripada didengari kerajaan yang memerintah (Afandi Ahmad, 2019). Kesannya, kegiatan politik dalam kalangan mahasiswa UKM dan mahasiswa di universiti lain terbantut dan hanya tertumpu di kampus sahaja. Impak tersebut membawa kepada ketidakpekaan mahasiswa terhadap masalah dalam isu masyarakat luar kampus (Fazurawati, 2018). Namun dalam arus globalisasi masa kini, mahasiswa merupakan golongan vital terhadap pembangunan dan kejayaan sesebuah negara Irma Wani, O., Hasbullah, A., Abu Bakar, A. H., Muhammad Safuan, Y., and Herlina, J. (2018). Golongan mahasiswa turut diangkat sebagai pewaris kepada kepemimpinan yang mencorakkan hala tuju dan jatuh bangun sesebuah negara. Kelangsungan tersebut membuka mata kerajaan untuk melonggarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Mymetro, 2018). Seterusnya kerajaan telah melakukan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pada tahun 2012 yang membolehkan mahasiswa dari UKM menceburi politik seterusnya dibenarkan bertanding dalam pilihan raya di peringkat nasional (Mohd Iskandar, 2018). Tuntasnya, penyertaan mahasiswa dalam politik kampus mampu mempengaruhi iklim politik negara dan berupaya mempengaruhi penentuan dasar dan keputusan pilihan raya negara.

Landasan Asahan Bakat dan Pematapan Sahsiah Pemimpin Masa Depan

Dari sudut sejarah pilihan raya kampus misi dan visi Majlis Perwakilan Pelajar adalah memperjuangkan kebajikan mahasiswa dan dilihat sebagai satu platform mengasah bakat dan sahsiah dalam memantapkan nilai kepemimpinan (Berita Harian, 2018). Dalam memantapkan sahsiah diri mahasiswa, pensyarah terlibat sama dengan aktiviti pilihan raya kampus pada setiap pertukaran semester baru bertujuan mengajar dan memberi pengalaman kepada

mahasiswa berkaitan dengan proses-proses pilihan raya yang serupa dengan pilihan raya umum. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan kesedaran politik dan memberikan peluang kepada mahasiswa untuk memilih pucuk pimpinan mereka dan pilihan raya kampus juga dilihat sebagai cara mahasiswa untuk bersuara dalam memilih barisan-barisan kepimpinan universiti (Roslizawati dan Mohd Rizal, 2017). Peranan tenaga pensyarah sebagai pembawa arus suasana arena politik dalam kalangan mahasiswa dapat kita lihat melalui penganjuran aktiviti pilihan raya kampus yang melibatkan kesemua mahasiswa termasuklah mahasiswa semester satu yang merupakan pelajar baru dalam kampus. Selain itu, pelibatan mahasiswa dalam politik kampus mampu meningkatkan semangat nasioanalisme yang dianggap pewaris kepemimpinan politik negara pada masa hadapan (Mohd Azmir & Afi Roshezry, 2019)

Modenisasi Pembangunan Politik vs Ketaksuban dan Pertembungan Teknologi

Menurut Junaidi, Mohd Fuad & Novel, (2013), menyatakan bahawa aplikasi teknologi maklumat melalui internet, media sosial dan SMS dimanfaatkan sepenuhnya oleh mahasiswa sebagai medium untuk memperkasakan pengetahuan dan pemikiran dari semasa ke semasa. Mahasiswa merupakan suatu kelompok generasi dan merupakan warga intelektual atau cendekiawan muda yang sentiasa terdedah dengan teknologi terkini (Muhaimin Safaruddin, 2019). Lanskap politik kampus yang disertai sebilangan besar mahasiswa universiti boleh menjadi keperluan mendapatkan kuasa untuk menyatakan hasrat pelajar tetapi dalam masa yang sama mampu untuk mempengaruhi pihak berkaitan. Justeru itu, modenisasi pembangunan politik merujuk kepada kebijaksanaan pelajar dalam mengeneipkan ketaksuban berpolitik menggunakan kecanggihan teknologi masa kini. Ini kerana manipulasi politik boleh memberi kesan sama ada kesan positif atau kesan negatif. Pembangunan politik yang positif mampu mewujudkan modenisasi, kemajuan ekonomi, keterbiban sosial dan kemajuan birokrasi. Kesan daripada budaya politik negatif adalah pertembungan ideologi politik yang berbeza-beza dan ketaksuban dalam perjuangan parti politik masing-masing (Norshamliza Chamhuri *et al.*, 2019).

Relevansi Suara Pelajar dan Nyah Hapus Budaya Kebimbangan

Pelibatan mahasiswa secara aktif dalam bidang politik sekitar tahun 60-an hingga 70-an telah membawa kepada pembentukan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971 dan menimbulkan perasaan kurang senang dalam kalangan pelbagai pihak (Wikipedia AUKU, 2018). Dalam pilihan rayau umum tahun 1969 misalnya, mahasiswa telah mengadakan ceramah dan menghasilkan manifesto mereka sendiri dalam pilihan raya tersebut sehingga menyebabkan Parti Perikatan mengalami kemerosotan sokongan (Mazli Mamat, Abdul Razak & Abdul Rashid, 2015). Ekoran penguatkuasaan AUKU, aktiviti politik mahasiswa semakin lemah terutama selepas pindaan AUKU tahun 1975 yang melarang mahasiswa terlibat dalam politik (Afandi Ahmad, 2019). Rentetandari pindaan berkenaan, teretusnya kontroversi kerana bercanggah dengan peruntukan terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan melanggar hak asasi mahasiswa. Akta ini menjadi benteng penghalang kepada mahasiswa dan ahli akademik dalam memberi pendapat secara bebas. Ia bertentangan Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan hak kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan adalah hak kepada mana-mana individu yang sah sebagai warga negara Malaysia (Muhammad Yusri 2018).

Walaupun bagaimanapun, Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah meluluskan pindaan AUKU pada tahun 2012 yang membenarkan mahasiswa terlibat dalam apa juga persatuan, badan atau kumpulan termasuk parti politik ketika di luar kampus (MStar, 2012). Kemudiannya pada tahun 2019, pindaan AUKU telah dibuat sekali lagi untuk memansuhkan Seksyen 15(2)(c)

AUKU yang menghalang mahasiswa terbabit dalam kegiatan politik di kampus, sekali gus memberi lebih banyak ruang dan kebebasan dalam bersuara serta berpolitik (Mohd Iskandar Ibrahim, 2019). Selari dengan perkara itu, Seksyen 47 (2) (C) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Seksyen 10(2)(C) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib)1976 juga dimansuhkan, semuanya terpakai kepada semua universiti awam (UA), institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), politeknik, kolej komuniti serta institut perguruan (Afandi Ahmad, 2019). Kejayaan ini merupakan usaha daripada Gerakan Mahasiswa Mansuhkan AUKU (Akta174) yang memperjuangkan hak kebebasan dan keadilan mahasiswa (Muhammad Yusri, 2018). Pindaan AUKU tersebut dikatakan mampu menghapuskan 'budaya kerisauan' dalam kalangan mahasiswa. Penghapusan budaya itu akan membuang sifat pasif dan berdiam diri mereka, lantas membentuk mahasiswa berkualiti tinggi serta menyumbang secara progresif ke atas pembangunan negara ((Irma Wani, O., Hasbullah, A., Muhammad Safuan, Y., and Herlina, J., 2017). Tuntasnya, suara mahasiswa vital dalam politik negara atas dasar mahasiswa merupakan golongan terbesar di negara kita serta merupakan agen perubahan arus perdana negara.

Cakna Politik Semasa dan Karisma Kepintaran Emosi

Sebagai bakal-bakal pemimpin, mahasiswa sangat perlu cakna dan ambil peduli hal-hal politik semasa negara kerana mahasiswa adalah kepimpinan masa hadapan. Terbukti mahasiswa yang cenderung kepada politik lebih bermaklumat berbanding mahasiswa yang tidak berminat (Syaziyah Sharif, 2018). Kebebasan berpolitik dalam mampu membantu mencorak aspek kepimpinan terutama di peringkat universiti dan mereka yang berkarisma dan berkredibiliti dapat memacu pembentukan negara kearah lebih baik tidak kira daripada segi politik, ekonomi dan sosial (Hanneeyzah Bariah, 2019). Kebebasan ruang dan peluang berpolitik yang diberikan mesti dikendong ampuh bersama tanggungjawab untuk lebih memahami politik, dan tindakan yang mereka dukung. Universiti adalah asas citra kecemerlangan, sementara kerana kebebasan yang dibuka ini nilai kebitaraan universiti semakin menyepi. Dalam konteks warga kampus, sama ada kakitangan mahupun pelajar, kegusaran berhubung pelibatan dalam politik tidak dapat disangkal (Rudy Adie, R., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Hasbullah, A., Herlina, J., dan Muhammad Safuan, Y., 2017). Keluarga menjadi bimbang anak pelajar akan leka daripada proses akademik kerana terlalu asyik berpolitik. Beban pembuktian kini terletak pada bahu mahasiswa untuk menunjukkan bahawa telahan ini meleset. Mahasiswa hendaklah semakin cintakan ilmu, terus belajar dan memperbaiki diri untuk maju dalam politik, kemahiran komunikasi, pemikiran strategik, pengurusan risiko, kepintaranemosi, fleksibiliti kognitif dan banyak lagi cabang yang mesti dikuasai (Afandi Ahmad, 2019). Masa depan kerjaya tidak seharusnya dipertaruhkan dalam keghairahan berkecimpung dalam arena politik kampus lebih dari sewajarnya (Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Rudy Adie, R., dan Norazah, M. S., 2016).

Kewajaran Pendidikan Politik Matang Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)

Pendidikan politik sewajarnya diterapkan kepada generasi muda khususnya berkaitan pengertian politik secara lebih meluas, etika dan tatacara politik matang serta menganalisis isu semasa agar wujud rakyat celik atau literasi politik. Isu pendidikan politik wajar dilaksanakan supaya dapat memapan kematangan politik dalam kalangan mahasiswa (Sualman, 2019). Menyingkap temu bual pada 7 April 2013, Astro Awani telah menerbitkan satu artikel yang disuarakan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia. Profesor Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan berhubung isu mahasiswa kini sudah matang dan boleh diberi peluang untuk terlibat dalam politik di luar kampus. Dalam konteks tersebut, kepentingan arena politik mahasiswa ini bukan sahaja dapat memantapkan corak kepimpinan pelajar bahkan memberikan peluang kepada mahasiswa untuk mengalami sendiri situasi politik secara realiti (Syaziyah Sharif, 2018).

Pendekatan subjek sejarah yang telah diperkenal di sekolah menengah mungkin tidak secara khusus menerapkan modul pendidikan politik dan politik matang. Begitu juga, kursus teras universiti seperti Hubungan Etnik juga secara tidak langsung mendedahkan perkara asas berkaitan dengan politik kepada mahasiswa di kampus (Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011). Walau begitu, pelajar boleh didedahkan kepada konsep politik di dalam Malaysia. Sudah tiba masanya supaya satu subjek khas disiplin yang mengkhususkan pendidikan politik matang di ajarkan kepada semua penuntut pengajian tinggi Malaysia.

Kewajaran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Penyertaan Politik Kampus

Kewajaran mahasiswa terlibat dalam politik digembar gemburkan, sama ada politik kampus ataupun politik negara yang melibatkan parti-parti tertentu. Rata-rata penuntut yang ditemui bersifat berkecuali daripada terlibat dengan politik tetapi tidak menolak untuk menyokong mana-mana pemerintah (Syaziyah Sharif, 2018). Mahasiswa mengulang kaji pelajaran untuk mendapat segulung ijazah dalam bidang yang mereka ceburi di menara gading. Kehidupan yang mencabar di kampus sedikit sebanyak akan mempengaruhi kecenderungan mereka bertembung dengan isu semasa yang melibatkan kepemimpinan, keilmuan, pergerakan politik dan perjuangan peribadi. Dichelah-celah kekalutan menimba ilmu terdapat segelintir penuntut yang membawa fahaman politik masing-masing di luar ke dalam kampus. Tidak salah jika mereka ini hanya sekadar berpolitik di dalam kampus untuk bertanding merebut kerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), ini mampu melahirkan mahasiswa lebih berintegriti. Sebaik menjejak kaki di kampus, mahasiswa bakal dihadapkan dengan satu fenomena yang dinamakan politik kampus bagi melantik pemimpin dalam kalangan mereka (Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., dan Herlina, J., 2016b). Namun demikian, perlu dilihat bahawa pilihanraya kampus dapat meningkatkan lagi pengalaman menguruskan proses pilihan raya di kampus serta boleh memamatkan penuntut yang menerajuinya dan ia boleh dijadikan pembelajaran terbaik (Mohd Fadli, 2018). Memegang jawatan sebagai pemimpin pelajar ketika berada di kampus boleh menjadikan seseorang penuntut lebih bertanggungjawab dan mewujudkan jati diri yang tinggi.

Natijahnya, sebagai mengulung segala perkara yang diperkatakan dalam kertas kerja ini membawa kepada cetusan pandangan dan cadangan sekumpulan pelajar perundangan dalam kehidupan kampus di mana mahasiswa dan politik merupakan dua elemen koheren yang sukar dipisahkan. Kronologi sejarah negara menyaksikan pelibatan mahasiswa bermula sekitar tahun 1960-an yang tercetus sejurus kemerdekaan tanah air. Iltizam mendorong mereka untuk bergiat aktif dalam politik dilihat lahir secara semula jadi di mana semangat nasionalisme tinggi dipupuk dalam kalangan mahasiswa berdasarkan pengaruh polituik, ekonomi dan sosial tanah air. Justeru itu, sedasawarsa Malaysia sebagai sebuah negara membangun telah menyaksikan literasi undang-undang dan penyertaan mahasiswa dalam lanskap politik kampus yang mampu melahirkan golongan generasi muda berjiwa besar dan tinggi karisma kepimpinan.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana geran penyelidikan Students' Experiences of Political Campus Involvement: Case Studies of Public Universities in Malaysia dan Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111).

Rujukan

- Afandi Ahmad. (2019). Kebebasan AUKU Perkasa Ilmu, Adab. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2019/01/515645/kebebasan-auku-perkasa-ilmu-adab>. Diakses: 15 Mac 2021.
- Babbie, E. (2017). *The basics of social research (7th Ed.)*. Boston, MA: Cengage Learning.
- Berita Harian. (2018). Kepentingan MPP. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/473834/tatacara-pelaksanaan-pilihan-roya-kampus-perlu-disemak-semula>. Diakses: 15 Mac 2021
- Chan, Tsu Chong. (2018). Democratic Breakthrough in Malaysia –Political Opportunities and the Role of Bersih. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37, 3.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage, Oaks.
- Dayu Sansalu, Mohd Sohaimi Esa, Yusten Karulus dan Budi Anto Mohd Tamring. (2015). *Eksplorasi Hubungan Etnik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.
- Definisi majlis perwakilan pelajar. (2020). <https://pahang.uitm.edu.my/v3/index.php/pengurusan-krb/bahagian-krb/hal-ehwal-pelajar-hep-krb/majlis-pewakilan-pelajar-krb>. Diakses: 18 Mac 2021
- Eriksson, P and Kovalainen, A. (2016). *Qualitative Methods in Business Research*. 2nd ed. London, Thousand Oaks, New Delhi and Singapore: Sage.
- Fazurawati C. L. (2018). Kesedaran Berpolitik Masih Rendah. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/04/333123/kesedaran-berpolitik-masih-rendah>. Diakses: 18 Mac 2021
- Flick, U. (2014). *An Introduction to Qualitative Research (5th Ed.)*. SAGE, London. Flick, 2014
- Hanneeyzah Bariah Baharin. (2019). Manfaatkan Kebebasan Berpolitik dalam kalangan Mahasiswa. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/544888/manfaatkan-kebebasan-berpolitik-dalam-kalangan-mahasiswa>. Diakses: 15 Mac 2021
- Harian Metro Online. (2020). AUKU 1971 Masih Relevan. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/08/613938/auku-1971-masih-relevan>. Diakses: 15 Mac 2021
- Herlina, J., Irma Wani. O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., and Hasbullah, A. (2018). International Student Destination Choice: Institutional Influence. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):139-147.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020a). The Influence of Culture and Family Towards Decisions to Pursue Study Abroad: A Case Study of Malaysian Public Universities. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/ Egyptology*, 17(6):10688-10714.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Siti Aidah Lukin @ Lokin, Romzi Ationg, Abang Mohd Razif Abang Muis, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020b). Adaptasi Kemandirian Dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*. 5 (21): 138-159.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Abu Bakar, A. H., Hasbullah, A., and Herlina, J. (2018a). Implications of International Students Expatriation on the Improvement Life Quality on the Host Country. *International Journal of Law, Government and Communication*. 3(7):40-52.
- Irma Wani, O., Hasbullah, A., Abu Bakar, A. H., Muhammad Safuan, Y., and Herlina, J. (2018). The Study of First Year International Students' Expatriate Experiences in

- University of Malaysia Sabah. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*. 3(8):34-43.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Abu Bakar, A. H., Herlina, J., and Hasbullah, A. (2018b). Benefiting the Experience of International Students: Principles and Policies of Internationalisation of Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(9):68-79.
- Irma Wani, O., Herlina, J., Hasbullah, A., and Muhammad Safuan, Y. (2017a). Political Factor Acts in Influencing International Student's Decision of an Education Destination in Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*. 2(3):08-13.
- Irma Wani, O., Hasbullah, A., Muhammad Safuan, Y., and Herlina, J. (2017b). Socioculture Influence among International Students at Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Information System and Technology Management*. 2(3):01-06
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., dan Herlina, J. (2016b). Dinamisme Pendidikan Tinggi: Pembinaan Modal Insan Antarabangsa. *Journal of Education and Social Sciences*. 5(2):339-345.
- Junaidi, A. B. Mohd Fuad, M. J. Novel L, (2013). Penggunaan Internet dan Persepsi Politik Mahasiswa UKM. *Jurnal Personalita Pelajar*. 16: 1-13.
- Mazli Mamat, Abdul Razak Abdul Rahman & Abdul Rashid Abdullah. (2015). Penglibatan Mahasiswa Melayu Universiti Awam dalam Politik di Malaysia. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, 13: 27-35.
- Mstar. (2012). Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) diluluskan Dewan Negara. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/05/11/pindaan-akta-universiti-dan-kolej-universiti-auku-diluluskan-dewan-negara>. Diakses: 10 Mac 2021
- Muhammad Yusri Kornan, (2019). Kembalikan Kuasa, Makna Sebenar Kesatuan Pelajar-Pelajar. <https://www.moe.gov.my/en/menunedia/printed-media/newspaper-clippings/kembalikan-kuasa-makna-sebenar-kesatuan-pelajar-berita-harian>. Diakses: 10 Mac 2021.
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Hasbullah, A. Herlina, J., dan Rudy Adie, R. (2017). Persekitaran Politik Sebagai Motif Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017):59-67.
- Muhammad Safuan, Y., Nur Hidayah Iwani, M. K., Irma Wani, O., dan Abu Bakar. A. H. (2018). Pengaruh Keluarga dalam Memperkasa Keputusan Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari Di Universiti Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):158-168.
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Rudie Adie, R., dan Norazah, M. S. (2016). Masa Depan Kerjaya, Perhubungan Kekeluargaan dan Pegangan Hidup Sebagai Motif Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 10(2016):101-114.
- Mohd Azmir Mohd Nizahi & Afi Roshezry Abu Bakar. (2019), Demokrasi Pilihanraya dan Cakna Perlembagaan: Tajuk Yang Sama, Topik Yang Berbeza. I_STET, 39-43
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring. 2011. *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim, Abang Mohd. Razif Abang Muis & Romzi Ationg. (2020). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 5(11): 43-53.

- Mohd Fadli Hamzah. (2018). Mahasiswa perlu lebih 'matang' menilai politik. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/12/506341/mahasiswa-perlu-lebih-matang-menilai-politik>. Diakses: 15 Mac 2021
- Mohd Iskandar Ibrahim. (2018). Pindaan AUKU Diluluskan Sebulat Suara. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/507721/pindaan-auku-diluluskan-sebulat-suara>. Diakses: 25 Mac 2021
- Mymetro. (2018). Pindaan AUKU Lulus, Mahasiswa Bebas Berpolitik. <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/12/402442/pinda-auku-lulus-mahasiswa-bebas-berpolitik>. Diakses: 25 Mac 2021
- Norshamliza Chamhuri, Tuan Muhamad Shafiq Che Wan Ngah, Mohd Akmal Fauzan Mohd Kamil, Nur Farah Syahiera Jaharudin & Naszrul Nizam Muhamad Radhi. (2019). Tahap Pengetahuan dan Impak Kegiatan Politik Kampus Kepada Kehidupan Mahasiswa Era Malaysia Baharu. *Jurnal Personalia Pelajar* 22(2): 129-136
- Roslizawati, T. & Mohd Rizal, Y. (2017). Pendemokrasian mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi di UKM. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*. 13(4): 93-105.
- Silverman, D. (2013). *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook, 4th ed.* SAGE Publications, London.
- Sualman, D. (2019). Pendidikan Politik Mesti Diwujudkan. <https://www.sinarharian.com.my/article/57609/KOLUMNIS/Pendidikan-politik-mesti-diwujudkan>. Diakses: 25 Mac 2021
- Syaziyah Sharif. (2018). Mahasiswa dan Politik, Apakah Kebaikan Dan Keburukannya? <https://says.com/my/seismik/mahasiswa-dan-politik-apakah-kebaikan-dan-keburukannya>. Diakses: 28 Mac 2021
- Wikipedia. (2018). Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Diakses: 30 Mac 2021 https://ms.wikipedia.org/wiki/Akta_Universiti_dan_Kolej_Universiti_1971